



KENYATAAN MEDIA

PELANGGARAN DUA BUAH KAPAL KONTENA DI PERAIRAN PELABUHAN PASIR GUDANG

4 Jan- Pasir Gudang, terdapat pelanggaran dua buah kapal kontena iaitu Wan Hai 301 yang didaftarkan di Singapura dan kapal APL Denver yang didaftarkan di Gibraltar dalam Perairan Pelabuhan Pasir Gudang. Pelanggaran ini telah berlaku pada jam 11.05 malam, hari Selasa di koordinat Lat : 01 25.701'N, Long : 103 54.498'E di dalam Perairan Pelabuhan Pasir Gudang. Pelanggaran ini berpunca daripada kerosakan generator kapal Wan Hai 301 yang menyebabkan kapal tersebut hilang kawalan dan seterusnya melanggar kapal APL Denver yang berada berdekatan. Pelanggaran ini tidak melibatkan kecederaan dan kehilangan nyawa. Walau bagaimanapun, pelanggaran ini telah menyebabkan tumpahan minyak di kawasan sekitar lokasi kapal yang dianggarkan sebanyak 300MT minyak Marine Fuel Oil (MFO) daripada kapal APL Denver.

Pihak berkuasa Singapura telah turut dimaklumkan berhubung kejadian ini dan tindakan telah diambil oleh pihak mereka untuk membendung minyak yang masuk ke dalam kawasan Perairan Singapura.

Dengan tindakan pantas daripada pihak Johor Port Berhad (JPB) dengan kerjasama yang agensi - agensi di bawah Pasir Gudang Oil Spill Task Force (PAGOSTAF) seperti Feoto, Petronas, Shell serta Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ), Jabatan Laut Wilayah Selatan, Jabatan Alam Sekitar dan pihak Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) serta Terminal Tanjung Langsung telah berjaya mengawal tumpahan minyak ini dan menyekatnya daripada merebak ke kawasan-kawasan yang lain.

Setakat ini, operasi pelabuhan berjalan seperti biasa. Walaupun begitu, dijangkakan akan berlaku sedikit kelewatan untuk kapal- kapal berlabuh di Terminal Kontena untuk beberapa hari kerana kerja-kerja kawalan tumpahan minyak sedang dibendung dan juga pembersihan tumpahan minyak sedang giat dijalankan. Dijangkakan pembersihan tumpahan ini akan mengambil masa selama 7 hari, walau bagaimanapun ia bergantung kepada cuaca dan keadaan arus air.

Pada masa yang sama, tumpahan minyak berkenaan juga setakat ini tidak menjejaskan penduduk setempat khususnya nelayan di perkampungan sekitar. Tumpahan ini juga tidak menjejaskan jeti – jeti persendirian lain yang terdapat di dalam Perairan Pelabuhan Pasir Gudang seperti Stesen Jana kuasa Sultan Iskandar yang terletak berhampiran pelabuhan.

Dikeluarkan oleh:

Unit Khidmat Korporat,

Lembaga Pelabuhan Johor